

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kakitangan barisan hadapan sektor kesihatan di Sabah yang termasuk dalam 2,070 kakitangan KKM yang dilanjutkan kontrak perkhidmatan sehingga 6 bulan, dan apakah bentuk sokongan tambahan yang disediakan oleh Kementerian bagi membela kebajikan mereka, terutamanya yang terlibat secara langsung dalam pengurusan rawatan pesakit-pesakit COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 31 Oktober 2020, jumlah kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkhidmat di Sabah adalah seramai 30,730 orang, merangkumi 27,678 lantikan tetap dan 3,052 lantikan kontrak. Pecahan mengikut skim-skim utama adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Perubatan seramai 2,661 tetap dan 712 kontrak;
- (b) Pegawai Pergigian seramai 300 tetap dan 186 kontrak;
- (c) Pegawai Farmasi seramai 666 tetap dan 212 kontrak;
- (d) Jururawat seramai 7,555 tetap dan 503 kontrak;
- (e) Jururawat Masyarakat seramai 3,588 tetap;
- (f) Penolong Pegawai Perubatan seramai 1,684 tetap dan 634 kontrak;
- (g) Juruteknologi Makmal Perubatan seramai 530 tetap dan 31 kontrak; dan
- (h) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran seramai 723 tetap dan 90 kontrak.

2. Kerajaan bersetuju meluluskan penyambungan kontrak secara *one-off* enam (6) bulan lagi kepada sejumlah 2,070 Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Daripada jumlah tersebut, seramai 73 pegawai merangkumi seorang Pegawai Perubatan, 22 Pegawai Pergigian dan 50 Pegawai Farmasi kini berkhidmat di Sabah.

3. Bagi menampung keperluan perkhidmatan dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Sabah, KKM juga telah melaksanakan mobilisasi petugas kesihatan daripada seluruh negara ke Sabah. Secara keseluruhannya sehingga 1 Disember 2020, sejumlah 1,806 petugas kesihatan telah dimobilisasikan untuk membantu usaha saringan di lapangan dan juga rawatan perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. KKM sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan dan perlindungan kepada petugas kesihatan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan. KKM juga menyediakan garis panduan dan

kawalan dalaman bagi langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi di fasiliti KKM seluruh negara. Sebagai contoh KKM menyediakan kelengkapan pelindung diri (PPE) yang bersesuaian seperti penutup mulut dan hidung (mask) N95, alat pelindung mata, *fluid-repellant long-sleeve gown* (dengan izin) dan sarung tangan semasa menguruskan pesakit COVID-19.

5. Terdapat pelbagai kemudahan lain yang disediakan untuk petugas kesihatan berdasarkan peraturan semasa serta tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan. Sebagai contoh, mereka boleh dipertimbangkan untuk diberikan Cuti Rehat atau melaksanakan penggiliran tugas serta bekerja dari rumah untuk tempoh tertentu bagi tujuan berehat serta memulihkan kecekapan. Cuti Gantian juga boleh diberikan kepada pegawai yang telah diarahkan untuk bekerja lebih masa tetapi tidak berkelayakan mendapat bayaran bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain.

6. Selain itu, KKM turut menyediakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial kepada petugas barisan hadapan yang memerlukan. Ini termasuk talian bantuan sokongan psikososial khas untuk petugas di negeri Sabah.

7. Selain itu, seperti mana semua sedia maklum, Kerajaan turut memperuntukkan Elaun Khas COVID-19 kepada petugas barisan hadapan. Sehingga 30 November 2020, jumlah bayaran yang telah dibuat kepada petugas barisan hadapan KKM adalah sebanyak RM348 juta.

Sekian, terima kasih.